

A. Samad Said: Telah Ranum Buah Falsafahnya

KASSIM MUHAMAD

Hanya sesekali dalam hidup lahir seseorang seniman yang berbakat, yang merasakan setiap gerak nadi masyarakatnya, dan termampu merakamkannya secara penuh seni pula.¹

A. SAMAD SAID

1 Latar Belakang

Ketika berada dalam timbunan buku karya A. Samad Said dan buku-buku tentangnya, rasanya seperti tidak dapat berhenti memetik kata-katanya yang penuh hikmah itu:

‘...puisi ada bentuk dan suku katanya dan puisi yang baik akan menjadi kata-kata hikmah’ ialah di antara oleh-oleh pemberian Pak Samad Said kepada kami 20 orang peserta Hening Puisi Paksi 25- 28 Julai di Tanjong Sedeli, Kota Tinggi, Johor Darul Takzim. Buah tangan itu kami perolehi semasa sasterawan penongkah arus, pendobrak zaman ini mengulas puisi-puisi kami dalam acara tersebut.

Dan dalam ucapan penerimaan anugerah Sasterawan Negara, Pak Samad antara lain berkata

Bagi saya, menulis itu resah yang bahagia, duka yang indah.

Penyataan berikut ini seolah-olah menceritakan perjalanan hidupnya sendiri walaupun dia sedang berbicara tentang pelbagai

¹A. Samad Said 2008, hlm. 106.

karya (penulis) besar seperti *Dr. Zhivago* (Boris Pasternak), *Senja di Jakarta* (Mochtar Lubis) atau *The Razor's Edge* (Somerset Maugham):

*Hanya sesekali dalam hidup lahir seseorang seniman yang berbakat, yang merasakan setiap gerak nadi masyarakatnya, dan termampu merakamkannya secara penuh seni pula.*²

A. SAMAD SAID

Dan dalam merakamkan tragedi bangsanya sendiri, dia mengungkapkan stanza lima baris berikut:

*Dan sepimu kini nyaring semula
menjeritkan duka yang luar biasa:
Tiap pendosa terpahat nombornya,
dirimu mangsa, mereka pendera
yang bebila pun tidak kekal lena.*³

A. SAMAD SAID

2 Pengalaman Pahit Zaman Perang sebagai Bumbu Karya

Saya menjadi dewasa dan mengenali hidup dalam bentuk seburuk-buruknya.

A. SAMAD SAID

Bermula dari naratif lisan zaman kanak-kanak oleh ibunya – cerita rakyat *Batu Belah Batu Bertangkup* – yang baginya begitu mengujakan seperti yang dirakamnya dalam *Dari Salina ke Langit Petang*, kita dibawa mengharungi dan turut merasakan penderitaan manusia-manusia yang terperangkap dalam tragedi peperangan lewat teks realisme *Sungai Mengalir Lesu* dan juga *Salina*. Dalam *Sungai Mengalir Lesu* misalnya, kita temui Tuminah yang perlu mengorbankan maruahnya untuk mendapat makanan kerana dalam peperangan sudah tidak wujud kemanusiaan. Janda muda ini faham bahawa dalam zaman sengsara seperti itu “orang sudah tidak memberi kerana kemanusiaan”. Salina juga mengalami nasib yang buruk akibat peperangan di zaman Jepun. A. Samad Said sebagai korban langsung kedurjanaan perang sentiasa menguli dan menganyam suka duka derita mangsa peperangan sebagai bumbu penting naratifnya. Sesungguhnya, trauma hidup berdepan dengan

²A. Samad Said 2008, hlm. 106.

³A. Samad Said 2013, hlm. 55-56.

peperangan ini begitu dominan sekali, sehinggakan ia seolah-olah tidak mahu pergi dalam karya A. Samad Said. Latar peperangan ini, kali ini perang Iraq, muncul semula dalam novel cinta aneh orang tua yang dihasilkan lama setelah Salina, iaitu *Cinta Fansuri*.

3 Apakah Sudah Cukup Ilmu untuk Membicarakan Falsafah Pak Samad?

Jawapan langsung dan sejujurnya ialah saya tidak berupaya untuk berbuat demikian. Jika begitu keadaannya, apakah sebabnya masih beria-ia mahu membicarakannya? Saya sekadar mahu memberanikan diri, itu saja.

Setelah membuat pengakuan, apa lagi yang boleh disampaikan? Senarai karya Pak Samad (novel, cerpen, drama, kumpulan puisi, esei, warkah dan diari dan autobiografi) berpuluh-puluh buah. Yang sering disebut orang mungkin *Salina* walaupun di sana terdapat *Al-Amin* atau *Hujan Pagi* atau *Sungai Mengalir Lesu* atau *Wira Bukit* atau *Rindu Ibu* dan seterusnya dan seterusnya.

Jadi bagaimana mahu melihat falsafahnya lewat karya-karya dalam coretan yang tak seberapa ini? Apa yang mampu dikisahkan jika kebanyakan karyanya masih belum dihadam dengan baik? Saya bercakap tentang pengalaman diri sendiri dalam berinteraksi dan berjinak-jinak dengan karya Pak Samad. Jika begitu keadaannya, untuk apa bercakap tentang sesuatu yang begitu besar sedangkan kita sendiri tidak begitu arif?

Jika soal kelayakan adalah isu besar, maka rasanya sehingga saya menutup mata pun, tidak bakal ada karyanya yang boleh saya bicarakan.

4 Mutakhir – Tindakan sebagai cermin falsafah perjuangan Pak Samad Said

Terdapat banyak peristiwa besar yang direkod oleh para penulis tentang perjuangan Pak Samad. Misalnya kita mendengar bahawa dia berada 'di ekor perjuangan ASAS 50' (itu ungkapan Pak Samad sendiri) yang gigih menuntut kemerdekaan di Singapura. Kita juga membaca tentang penglibatannya di belakang tabir (mencari dana dan menyediakan makanan) dalam mogok Utusan Melayu tahun 60an menentang Parti Perikatan yang benar-benar bertekad mahu membunuh kebebasan bersuara akhbar Melayu itu. Dan yang sukar

dilupakan tentulah peristiwa memprotes tingkah birokrat sastera dalam episod ‘mogok seni’ yang sangat tersohor itu.

5 Dari Protes Terbuka terhadap Dasar PPSMI Sehinggalah Turun ke Jalan Raya untuk Memimpin Kelompok Sivil BERSIH dan – Akhirnya – Memasuki Parti Politik DAP. Apa Lagi, Jika ia Bukan Terjemahan Falsafah Perjuangan seorang Sasterawan Negara?

Sebagai permulaan, mari kita teliti dalam bahasa yang mudah apakah itu falsafah? Jika dipinjam takrif Amida Abdulhamid, *Rangkaian Falsafah dalam analisis sastera*, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, (2008, hlm. x) ‘Falsafah, dalam ertinya yang amat besar kerana mendaulatkan hikmah, merangkumi semua aktiviti dalam kehidupan termasuk etika, estetika, politik, epistemologi, dan metafizik. Untuk memenuhi visi falsafah yang cintakan hikmah demikian, teknik pemikiran yang sistematis, iaitu logik amat diperlukan. Tanpa galur pemikiran sistematis, hikmah tidak akan dapat dijustifikasikan dengan memuaskan. Tanpa galur pemikiran sistematis, proses dialektik – soal jawab – tidak akan dapat dikembangkan dengan sihat memanfaatkan’.

Dalam esainya berjudul *Menanti Aksi dari Seniman* dalam *Kumpulan Esei Budayawan Bertindak – Menyokong Perjuangan A. Samad Said* oleh Dinsman, Hasni Abas dan Kassim Muhamad, Seniman Paksi Rakyat, Kuala Lumpur 2010, hlm. 6, Pak Samad antara lain menulis begini:

Perkembangan baru politik, ekonomi dan sosial merangsang malah memaksa saya untuk melihat sastera hanya sebagai khazanah yang diam. Sastera boleh bersuara dan bertindak serentak di luar buku. Paling menonjol akhir-akhir ini ialah revitalisasi peranan Dinsman melalui karyanya – teks drama terbukti bukan teks diam.

Buat Pak Samad kekecewaannya terhadap kebusukan tingkah sang Penguasa itu amat jelas sekali; kita temuinya lewat pelbagai puisi di dalam antologi *Di Atas Padang Sejarah*:

*Kita wajar sangsi mereka yang bau ringgitnya hangat,
sepantas mana mereka menjadi kuasawan buncit.*

PUISI “PERAMPOK TANAH AIR”, HLM. 24

*Tangan kuasawan yang berlinang biliona
melupakan ekuiti bangsa seenaknya –*

PUISI “MEMBAKAR BAHTERA”, HLM. 1

atau dalam baris pertama stanza ketiga:

Kita sedang diasuh mendakap kepalsuan,

Sementara dalam puisi berjudul, *Pemimpin Catakserukin*, halaman 30, kita temui harapannya tentang sifat dan sikap seorang pemimpin untuk rakyat:

*Diri pemimpin patut menjadi watak tunggal berdiri;
tangan dan hatinya wajib seimbang memandu kemudi.*

Lama sebelum itu, tatkala bahasa ibundanya diinjak-injak lewat dasar songsang PPSMI, kita dapat lihat kekecewaannya yang cukup mendalam – bahasanya diperlakukan seenaknya:

*Empat dekad bahtera bangga
anak cucu wajar menduga
mereka khusyuk atas sejadah
depan al-Quran mereka bertanya:
Buah ranum pada tangkai
bahasa gugur dari hati–
sekali janji, sekali nafi;
sekali pancang, sekali pincang
iktibar apa semua ini?*

Puisi berjudul *Suara dari Dinding Dewan* dalam antologi *A. Samad Said – sebuah antologi puisi yang menghimpunkan karya-karya selama lebih setengah abad* dikumpul dan diberikan kata pengantar oleh Dharmawijaya, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2005, hlm. 296.

Oleh kerana karyanya begitu banyak, hampir-hampir lima puluh buah semuanya, menjangkaui zaman yang cukup panjang, sejak zaman kanak-kanak dan zaman mudanya di Singapura, kita boleh saja memperkatakannya dari pelbagai sudut dengan memetik berbagai-bagai kata dan madahnya, dengan bermacam-macam huraian tentang segala tajuk yang antara lain mencakupi isu-isu kemanusiaan, keadilan, kesaksamaan, kezaliman atau kesengsaraan untuk memperlihatkan falsafah perjuangannya, tapi mungkin tidak ada yang lebih berharga daripada pengalaman berdasarkan interaksi kita secara peribadi dengannya. Mungkin itu pun belum memadai

untuk memperlihatkan seorang Samad Said. Apa pun, kita cuba turunkan sedikit 'ringkasan' berikut buat renungan kita bersama:

6 Rasa Pedulinya Berakar di Sanubari

Seorang sahabat, bekas bos saya, seorang lelaki Tionghua sering menggunakan istilah *genuine* (tulus, tulen, asli, jujur) untuk menyatakan bahawa sesuatu usaha kebaikan itu, misalnya hubungan kaum yang sihat, segar bugar dan saling hormat menghormati itu, perlu ada bumbu ketulusan ini. Katanya, untuk mendapatkan rasa kesefahaman yang erat dalam kalangan manusia sehingga ia mendapat sokongan yang padu semua pihak, kita mestilah *genuine* melaksanakannya. Jika sifat *genuine*, ketulusan ini tidak ada, segala usaha yang baik itu tidak akan membuahkan hasil yang diharapkan. Apatah lagi jika yang 'dibuat' itu jelas tepu kepura-puraannya. Ketika itu kami asyik sekali berbincang tentang program Q, program kualiti dalam organisasi kami. Saya setuju seratus dengan pandangan sahabat saya ini. Kepura-puraan walau betapa baik sekalipun ia dipentaskan hanya berjaya menipu diri kita sendiri. Ia tidak membawa sebarang hasil.

Rasa pedulinya terhadap pelbagai isu rakyat begitu kental, kukuh dan mendalam sekali. Kita bukan sahaja melihat rasa peduli ini dalam teks sasteranya tapi kita melihat aksi-aksinya itu di pelbagai medan; jalan raya, dewan, masjid, surau, padang terbuka atau pun di rumah-rumah terbuka dan juga tertutup. Semasa kami turun untuk unjuk rasa besar-besaran terhadap agenda buah peninggalan Mahathir iaitu PPSMInya, berdemonstrasi di sekitar Kuala Lumpur di bawah kepimpinan arwah Datuk Hassan Ahmad, mantan Ketua Pengarah DBP, dialah salah seorang pemimpin utamanya dalam gerakan unjuk rasa mempertahankan pembelajaran dalam bahasa ibunda pada hari tersebut. Kita juga dapat melihat kepeduliannya yang nyata di luar teks ini dalam agenda Bersih menuntut pilihan raya yang bersih dan isu-isu lain yang berkaitan dengannya. Pendek kata, Pak Samad sentiasa di tengah-tengah pentas beraksi menentang kebobrokan Sang Penguasa.

7 Terjemahan Aksi yang Bersukat, Disukat

"Mogok Seni" itu protes terbukanya terhadap sistem dan birokrat sastera serta segala mesinnya yang berkeliaran. Kita melihat

semangat dan roh watak-watak ini lewat dalam batang tubuhnya Ramdie S. Baltimon (RSB), Drs Tengku Musluk atau Prof Madya Sanfoori dalam novelet *Cinta Fansuri*. Kesengsaraannya dapat dilihat dalam rakaman berikut:

*Setahun aku berjalan dengan capal berbeza,
bertembang ribang dengan rebana pecah.
Setahun aku sengsarawan kembara.*

Petikan sajaknya berjudul, *Cenderahati Mogok Seni* halaman A. Samad Said – sebuah antologi puisi yang menghimpunkan karya-karya selama lebih setengah abad, halaman 269 di atas adalah rakaman protesnya sebagai seorang seniman dan manusia seni.

Apakah ada sasterawan kita yang lain juga mogok untuk menunjukkan bantahannya terhadap birokrat penguasa? Dalam konteks ini, birokrat penguasa adalah “pemilik” institusi sastera dan mesin-mesinnya.

Semasa kami di perkuburan, mengiringi perjalanan terakhir tokoh seni budaya tersohor tanah air arwah Datuk Hassan Ahmad, Pak Samad telah didekati oleh seorang wartawan milik parti pemerintah. Mintanya, ‘Jika boleh, saya mahu interviu Pak Samad’. Setelah diberitahu itu wartawan akhbar sekian, dia menjawab sopan tegas, ‘Katakan, Bapak tidak mahu berurusan dengan akhbar-akhbar ini!’

Terakhir sebagai penutup, semasa kami bertiga iaitu Mohd Nasser dan Dinsman dari Paksi menemuinya di awal pagi di Kampong Pasir, Gua Musang, Kelantan untuk mengamati saat-saat bersejarah ketika Pak Samad mengumumkan penyertaannya dalam Parti Tindakan Demokrat, DAP (parti Cina itu, kata Umno!), kami juga bertanya secara terbuka di depan para pemimpin besar DAP, ‘Apakah Bapa tidak mengorbankan kedudukan Bapa yang jauh di atas politik itu dengan tindakan seperti ini?’. Saya lupa apakah Pak Samad menjawabnya atau pun tidak.

Bagi saya itulah langkah perjalanan bersukat seorang sasterawan besar dalam menterjemahkan falsafah perjuangannya; dia melangkah gagah jauh ke depan merintis jalan penuh berduri itu. Sementara itu, yang lain-lain masih lagi sibuk (agaknyanya) menolak-campur-bahagi-dan-darab segala untung-ruginya, jika dan sekiranya mereka menyatakan sikap.

Apakah peristiwa seperti ini tidak wajar dirakamkan untuk renungan anak-anak muda yang bersungguh-sungguh berbincang hal-hal falsafah dalam sebuah Madrasah Seni yang unik ini?

Wallahualam.

Rujukan

A. Samad Said

- 2008a *Dari Salina ke Langit Petang*, Wira Bukit.
- 2008b *Ilham Di Tepi Tasik*, Wira Bukit.
- 2013a *Di Atas Padang Sejarah*, pnyt. Rahmat Haron, Wira Bukit.
- 2013b *Mengenang Tragedimu, Teoh*, antologi sajak *Di atas Padang Sejarah*, pnyt. Rahmat Haron, Wira Bukit.
- 2015 dalam sesi *Hening Puisi Paksi*, (25–28 Julai), Tanjong Sedeli, Johor Darul Takzim.

Amida Abdulhamid

- 2008 *Rangkaian Falsafah dalam analisis sastera*, Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Dharmawijaya

- 2005 ((Pnyt.)), *A. Samad Said – sebuah antologi puisi yang menghimpunkan karya-karya selama lebih setengah abad*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Dinsman, Hasni Abas & Kassim Muhamad

- 2010 *Kumpulan Esei Budayawan Bertindak – Menyokong Perjuangan A. Samad Said*, Kuala Lumpur: Seniman Paksi Rakyat.

Hassan Ahmad

- 2003 *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*, Monograf 1, Akademi Kajian Ketamadunan.

Thani, A. M.

- 1981 *Esei Sastera ASAS 50*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Urus Setia Panel Anugerah Negara

- 2005 *Sastera dan Kemanusiaan, Siri Lestari Sastera*, Dewan Bahasa dan Pustaka.